

A. Pengenalan

Dokumen ini adalah untuk menyatakan beberapa perkara berhubung pelaksanaan Skim “MyBrain UTeM”. Tujuan utama skim ini ialah untuk mendapat pelajar-pelajar UTeM yang berkualiti tinggi bagi melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD) mod penyelidikan di UTeM.

B. Syarat Permohonan

Skim MyBrain UTeM adalah satu bentuk bantuan kewangan yang diwujudkan oleh UTeM. Ia merupakan satu keistimewaan yang diberi kepada pelajar-pelajar tahun akhir pengajian sarjana muda UTeM yang berjaya memperolehi keputusan keseluruhan peperiksaan yang baik. Syarat bagi melayakkan seseorang pelajar memohon adalah:

1. Pelajar UTeM yang baru menamatkan pengajian sarjana muda.
2. Menamatkan pengajian sarjana muda di UTeM dengan rekod pengajian yang baik
3. Sekurang-kurangnya memperolehi mata keseluruhan pengajian CGPA 3.350
4. Memperolehi markah ‘Projek Sarjana Muda’ sekurang-kurangnya gred A-
5. Bahasa Inggeris (petuturan dan penulisan) yang baik iaitu MUET band 4
6. Mempunyai minat tinggi dalam penyelidikan dan inovasi

C. Pelaksanaan

1. Fakulti akan menawarkan dan memilih pelajar yang bersesuaian selepas keputusan peperiksaan akhir tahun disahkan oleh Senat.
2. Setiap Fakulti dibenarkan memilih 5 pelajar sahaja.
3. Pelajar MyBrain UTeM akan diberikan elaun bulanan sebanyak RM 1,500.00 sebulan dan waive yuran pengajian untuk 4 semester maksima (24 bulan pengajian).
4. Pelajar yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Perjanjian MyBrain UTeM bagi mengelakkan pengajian tidak selesai dan akan dikenakan bayaran balik sekiranya tidak menamatkan pengajian tanpa sebab wajar.
5. Pelajar yang berjaya memperolehi elaun MyBrain UTeM wajib mematuhi semua peraturan yang dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Siswazah dan UTeM dari masa kesemasa.
6. Tiada kontrak penawaran pekerjaan di antara UTeM dengan pelajar yang berjaya mendapat peruntukan MyBrain UTeM

Diurus oleh CRIM, UTeM